

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 12 / 08 / 2007

Saya adil untuk semua

um - 12/8/2007

KOTA KINABALU 11 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau bertindak adil kepada semua kaum dalam memutuskan perkara-perkara yang membabitkan kepentingan mereka, termasuk dalam soal pengagihan ekonomi.

"Saya Perdana Menteri anda yang mewakili semua kaum... saya perlu berlaku adil kepada semua," katanya ketika berucap merasmikan konvensyen tahunan Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) di sini, hari ini.

Abdullah berkata, beliau memberi perhatian serius terhadap apa juga masalah yang dibangkitkan oleh parti komponen Barisan Nasional (BN) termasuk UPKO.

"Apa yang dibangkitkan oleh konvensyen UPKO ini adalah perkara serius.

Tapi saya percaya dengan adanya semangat toleransi, kita akan dapat menyelesaikannya," katanya.

Dalam konvensyen UPKO kali ini, beberapa isu hangat didebatkan oleh perwakilan, antaranya kebimbangan mengenai trend tidak sihat dalam perhubungan pelbagai agama dan kaum termasuk dalam soal hak penjagaan anak-anak dan harta sepencaharian suami isteri.

Abdullah berkata, terdapat peruntukan undang-undang tertentu yang kadang kala ke-

lihatan "melampau".

Bagaimanapun katanya, jika ada keperluan, peruntukan seumpama itu boleh dipinda demi kebaikan semua pihak.

Dalam keadaan tertentu, Perdana Menteri berkata, beliau perlu mempunyai pendirian bagi melenyapkan kekalutan berhubung isu yang membabitkan kepentingan umum.

"Misalnya dalam soal sama ada negara kita ini negara sekular atau sebaliknya. Saya perlu membuat satu pendirian. Saya perlu mempunyai belas kasihan, saksama dan adil di kalangan rakyat," katanya.

Abdullah meminta parti komponen BN supaya terus membudayakan muafakat bagi mengekalkan perpaduan parti.

Sambil melahirkan rasa syukur, Perdana Menteri berkata, muafakat antara parti komponen BN ternyata kekal walau apa pun keadaan yang dihadapi parti itu.

Mengenai konsep Islam Hadhari, Perdana Menteri berkata, prinsip hadhari bukan bersifat konfrontasi, tetapi melibatkan semua aspek kehidupan seperti alam sekitar, kekeluargaan, dan undang-undang yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan orang bukan Islam.

"Saya orang Islam saya ikut apa yang diajar dalam Islam dan orang lain boleh ikut apa yang mereka percaya," katanya.

- Bernama